

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**PINDAAN KEPADA DASAR PEGANGAN SAHAM YANG DIKUATKUASAKAN
MELALUI PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BIL. 6/2020**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-21/2022 yang bersidang pada 19 Oktober 2022 setelah menimbang Kertas MMK Bil. 21/2022/D5(115) berhubung dengan “Cadangan Bagi Mengkaji Semula Dasar Pegangan Saham Yang Dikuatkuasakan Melalui Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan Bil. 6/2020” telah membuat keputusan bersetuju meluluskan cadangan tersebut sebagaimana berikut:-

- i. Dasar sediaada yang berkaitan dengan pegangan saham 51% milikan bumiputera : 49% milikan bukan bumiputera, sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan terdahulu (Kertas MMK Bil. 4/2020/D6(153) pada 19 Februari 2020 dikekalkan;
 - ii. Fi Komitmen/denda dinaikkan daripada RM 5,000.00 kepada RM 10,000.00 untuk setiap unit saham sehingga mencapai pegangan saham minima iaitu 51% bagi mana-mana syarikat/pemohon yang mempunyai pegangan saham milikan bumiputera yang kurang daripada 51%.
2. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeling ini.
 3. Pekeliling ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan Bil. 6/2020 dan berkuatkuasa dengan serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
12. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3 KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU

KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.1/2/31 JLD.2

BERTARIKH : 12 JAMADIL AWAL 1444H

07 DISEMBER 2022